

Headline	Ilusi WMD Barisan Nasional		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	26 May 2013	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	10	ArticleSize	662 cm ²
AdValue	RM 14,966	PR Value	RM 44,898



Ilusi WMD Barisan Nasional

IRAQ diserang atas pertuduhan mempunyai WMD (Senjata Pembawa Kemusnahan Besar-Besaran). Dua kali serangan itu dilakukan oleh Bapa Bush dan Anak Bush. Masyarakat antarabangsa termasuk warganegara Iraq diheret memberi sokongan dan akhirnya Saddam dibunuh dengan cara yang hina tanpa mengikut piawai etika perang dan kesudahannya WMD tidak ditemui hingga sekarang.

Oleh kerana tiada sebab untuk memberi label mempunyai WMD secara fizikal kepada Malaysia, maka label psikologi komunikasi digunakan untuk menolak pentadbir yang telah secara sah diangkat oleh warganegara melalui pilihan raya baru-baru ini. Walaupun pemimpin itu telah mengisytiharkan akan turun daripada kepemimpinan pasukannya dan akan bersara jika gagal membentuk kerajaan dalam PRU-13 baru-baru ini, beliau sekarang keluar pula ke jalan raya mengheret rakan-rakan warganegara yang tergoda dengan label BN telah mencuri 30 kawasan melalui WMD BN iaitu SPR.

Bagaimana angka 30 itu dicipta amat menarik sebagai suatu angka logik bagi dia membentuk kerajaan dengan majoriti mudah 119 kerusi Parlimen. Seperti warganegara Iraq yang begitu impulsif dengan cita rasa semasa, tanpa upaya memikirkan apa selepas Saddam dibunuh, segolongan warganegara Malaysia juga nampaknya tidak upaya mempertimbangkan apa terjadi dengan kerajaan yang akan dibentuk berbekalkan 119 kerusi, iaitu hanya berkelebihan lapan kerusi majoriti mudah.

Tidak yakin

Warganegara pengikut ketua itu nampaknya tidak sedar bahawa pemimpin itu sendiri tidak yakin bahawa dia dan kumpulannya mendapat sokongan besar warganegara Malaysia semasa dia menjulang tangannya ke udara membakar api amarah pengikut dengan berkata 'ini adalah suara majoriti rakyat!'. Dia tidak mewakili majoriti rakyat. Di bawah undang-undang anarki politik, seperti bapa dan anak Bush, dia juga tidak perlu membuktikan pertuduhan WMD BN itu ditemui atau tidak, benar atau tidak.

Dia telah menyuntik sentimen dan emosi ABU (Asal Bukan UMNO) kepada tubuh awam sebagai suatu arus, tanpa mengira sama ada seruan ABU itu daripada 'iblis' atau 'malaikat'. Sementelah, UMNO dan BN pula setakat ini masih tidak terlihat sebagai pandai menukar arus itu menjadi pemutar janakuasa elektrik atau tenaga lain yang berguna untuk kesejahteraan manusia.

Sepi tanpa publisiti, melalui berita-berita alternatif dapat diketahui bagaimana kem-kem tahanan ala *holocaust* muncul

dalam era pasca Saddam dan perogolan, hidup tanpa ubat-ubatan, tanpa makanan sempurna, tanpa elektrik, tanpa pelajaran dan kematian hampir sejuta warganegara tidak berdosa berlaku secara berterusan. Ini

semua tidak penting lagi sebaik kepentingan itu telah beralih kepada pencipta momok WMD. Tidak mustahil Petronas, yang begitu berani membuat bidaan kepentingan di Kanada, sebuah negara sekutu kuasa besar, mesti dihukum dan dengan itu akan beralih tangan dalam tempoh kehancuran itu.

Dalam tempoh itu juga *he-ad-hunting* dilakukan. Dikatakan 1,000 ahli sains Iraq hilang, selain daripada pentadbir dan teknokrat yang pernah bekerja dengan Saddam. Pelbagai undang-undang yang belum tentu baik untuk warga Iraq dipaksakan ke atas mereka, tidak dapat dibantah seperti warga Iraq pernah dengan keras membantah undang-undang Saddam. Hutang Rajunatapa Iraq mesti dibayar bukan dilupus. Bayangkan bagaimana pemberi hutang bebas berbincang di Iraq untuk menetapkan prosedur tender perolehan atau *Iraq Procurement Procedure - Meet the Buyer* ditaja oleh ExxonMobil, Oxy, Volvo, Shell, Raytheon and ChevronTexaco.

Selepas kepentingan itu dan kepentingan-kepentingan lain diperolehi pencipta momok WMD akan berkata 'kami akan memberi kebebasan kepada warganegara Malaysia menentukan apa yang baik untuk mereka', selepas yang dikatakan baik itu tidak ada apa-apa lagi yang tinggal. Lihatlah sebagaimana warga Iraq hari ini terkapai-ka-pai dan terpecah kepada dua puak yang saling terus tembak-menembak antara satu sama lain. Peristiwa Perbendaharaan Malaysia

membuka pintu kepada serangan kewangan pada tahun 1997-1998 sewajarnya dijadikan *clue* kepada pelbagai kemungkinan ini.

Sasaran

Nampaknya, tidak ada sasaran yang lebih sempurna untuk mempersoalkan legitimasi pentadbiran BN selepas pilihan raya

melainkan melabel SPR sebagai alat pemusnah BN, selepas BN tidak dapat dijatuhkan melalui proses pilihan raya. Meskipun pemimpin itu sendiri mengeluarkan pernyataan di media bahawa penggulingan kerajaan secara kekerasan tidak pernah diputuskan oleh Pakatan, namun warganegara Malaysia akan sama-sama menyaksikan nanti sama ada selepas keputusan PRU diwartakan, peluang mengemukakan protes diberi, protes diadili dan keputusan dikeluarkan, adakah pemimpin itu akan berhenti di situ?

Tidaklah luar biasa jika selepas itu akan dipersoalkan pula proses pengadilan dan individu yang dilantik untuk mengadilinya dan dengan itu proses pengadilan itu pula ditolak. Protes ke jalanan yang selanjutnya akan menjadi protes kepada rantaian dosa-dosa BN

Headline	Ilusi WMD Barisan Nasional		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	26 May 2013	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	10	ArticleSize	662 cm ²
AdValue	RM 14,966	PR Value	RM 44,898

yang sangat menggoda pencinta keadilan. Label rasis sangat dekat dengan semua kaum, label menolak Islam dengan menolak hudud sangat dekat dengan penganut Islam, label rasuah melenyapkan kebolehpercayaan semua urusan BN dan label menipu pilihan raya melengkapkan gambaran BN sebagai setara dengan diktator-diktator dan fasis yang amat zalim yang mesti digulingkan dengan alasan 'bukan dengan kehendak pemimpin penentang' tetapi 'atas kehendak rakyat'.

Semua label itu tidak memerlukan pembuktian akan kebenarannya. Ini amat menarik, terutamanya anak muda yang belum kenal bahawa banyak idealisme-idealisme alternatif yang lebih baik daripada yang sedang disuntik kepada mereka. Nampaknya demonstrasi jalanan yang pernah popular pada hujung tahun 60-an dan awal 1970-an kembali menarik. Kaedah yang sama juga turut muncul kembali. Demonstrasi besar seperti demonstrasi di hadapan bangunan AIA dan demonstrasi Baling kembali berlaku, bahkan kali ini tidak terhad di Kuala Lumpur sahaja - terima kasih kepada permodenan infrastruktur yang telah disumbang pentadbiran BN untuk tempoh lebih 40 tahun.

Pada tahun 1970-an golongan yang berdemonstrasi kemudian berpecah kepada dua: golongan sosialis dan golongan atas nama Islam. Golongan sosialis kemudian ditolak dan golongan yang berjenama Islam perlahan-lahan mengambil alih. Sekiranya dua golongan itu dicipta oleh tangan yang sama, tangan itu dari awal lagi menyediakan kuda alternatif. Dua golongan ini seperti muncul semula dan sekurang-kurangnya untuk ketika dan kali ini seperti selesa 'bersekedudukan'.

Idealisme

Pentadbiran BN yang diketuai oleh Tun Razak pada tahun 1970-an telah berjaya dengan cemerlang mengalih idealisme

unggul anak muda pendemonstrasi kepada idealisme lain yang lebih menarik anak muda. Secara tidak disedari, kerja berdemonstrasi menjadi seperti tidak menarik. Apakah idealisme baru yang dicipta oleh BN itu?

Meskipun ada pihak yang mengatakan fenomena demonstrasi lenyap daripada landskap anak muda untuk tempoh yang panjang di Malaysia disebabkan oleh AUKU 1971 yang dipinda pada tahun 1975 dan seterusnya, saya cenderung berpendapat bahawa DEB berjaya mencipta idealisme baru untuk anak muda. Idealisme itu dilaksanakan oleh MARA, JPA, Kementerian Pelajaran dan beberapa agensi negeri. Idealisme itu ialah idealisme praktikal iaitu ingin bergelar graduan yang berprestij.

Agensi-agensi pentadbiran BN menghantar ribuan anak-anak muda belajar ke luar Negara - ke AS, Britain, Australia, New Zealand dan lain-lain selepas mendapat keputusan SPM dan Diploma daripada ITM, UPM dan UTM, dengan jumlah yang sangat luar biasa besar (puluhan ribu) menjadikan mereka yang terpilih memperoleh kompleks superioriti yang kemudiannya menjadi idaman anak muda sehingga pendemonstrasi jalanan kehilangan pemimpin-pemimpin yang mampu membakar mereka.


Pemimpin demonstrasi yang suatu ketika mendapat perhatian eksklusif dan menjadi pujaan anak muda secara tiba-tiba kehilangan wibawa kepada anak-anak muda yang mendapat tiket penerbangan ke luar negara atau yang pulang ke negara dengan gaya bahasa dan telor percakapan yang baru. Mereka pulang dan membanjiri pasaran dengan graduan gaya baru serta mampu memadam kepercayaan bahawa orang yang pandai terutamanya dalam bidang sains hanya daripada kaum tertentu sahaja. Mereka membawa kertas bukti kelayakan dalam bidang-bidang yang tidak dikuasai oleh kaum-kaum pandai mengikut ukuran konvensional.

Mereka pulang dengan kelayakan dalam bidang seperti fizik nuklear, perbankan, insurans, peramalan, pengurusan, perakunan, kejuruteraan elektronik, perlombongan dan pelbagai lagi dan sedia bersaing dengan sesiapa sahaja. Idealisme demonstrasi menjadi lumpuh dengan kebanjiran generasi *superior* ini. Oleh sudah terbiasa berkasut di negara dingin mereka tidak membukanya apabila pulang ke tanah air dan dengan itu budaya anak muda berdemonstrasi dan bercapal Jepun merasai kompleks 'inferior' dan terpaksa ke samping, memberi laluan kepada golongan ini. Universiti-universiti dan bank-bank mulai dipenuhi oleh golongan ini. Ini memberi pukulan maut kepada golongan pendemonstrasi jalanan. Wahab Alwi di MARA, misalnya, adalah antara tokoh penting yang saya tidak boleh lupakan yang menjadi instrumen menjaja idealisme baru ini.


Jika penentang legitimasi BN melabel BN mempunyai WMD seperti kejahatan SPR, korupsi, rasis dan anti Islam, dan gerakan meruntuhkan kejahatan ini menjadi suatu idealisme anak muda tertentu ketika ini apakah WMD BN yang lebih berkesan untuk melumpuhkan idealisme ini? Jika Tun Razak dan BN telah dengan bijaksana mencipta idealisme baru pada tahun 70-an sambil berjaya mengangkat suatu kaum mampu berdiri lebih tinggi daripada orang lain untuk duduk di tempat tertentu dan dapat pula memberi legitimasi meletakkan mereka di situ.

Kini saya menunggu Najib dan angkataannya mencipta idealisme baru yang dapat menggantikan idealisme jalanan kepada idealisme yang lebih mulia, *superior* dan menggoda anak muda milenium 21 tanpa perlu mempamer kekuatan otot dan urat-urat leher dan lengan. Ubahlah WMD ilusi menjadi WMD realiti yang benar dan berpijak di bumi.

■ **TAN SRI DR. NORDIN KARDI** merupakan bekas Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM).



Headline	Ilusi WMD Barisan Nasional		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	26 May 2013	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	10	ArticleSize	662 cm ²
AdValue	RM 14,966	PR Value	RM 44,898



AKIBAT tidak boleh menerima kekalahan pembangkang mengaitkan SPR sebagai WMD Barisan Nasional. - Gambar hiasan